

17 MAY 2000

#### IMPIAN AFC MENJADI KENYATAAN

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Impian Gabungan Bolasepak Asia (AFC) untuk memiliki pejabatnya sendiri menjadi kenyataan apabila ibu pejabatnya bernilai RM18 juta di Bukit Jalil di sini, dirasmikan malam ini.

Perasmian itu dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sebuah majlis gemilang yang disertai oleh lebih kurang 1,000 hadirin.

Turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sebelum itu dalam ucapan perasmiannya presiden AFC Sultan Haji Ahmad Shah berkata, dengan perasmian bangunan AFC itu, ia akan berfungsi sebagai insentif kepada semua negara anggota untuk berusaha lebih gigih lagi dalam arena bola sepak antarabangsa.

"Sebuah pertubuhan benua sebesar AFC memerlukan pejabatnya sendiri," kata beliau.

AFC ialah badan pentadbiran bagi sukan itu di benua Asia dan dianggotai oleh 45 negara.

-- BERNAMA

AHA PR